



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2023

PENJENAMAAN SEMULA PORTFOLIO PRO NAIB CANSELOR (HAL EHWAL KORPORAT DAN JARINGAN INDUSTRI) DAN PUSAT PEMINDAHAN ILMU DAN JARINGAN INDUSTRI

Tujuan

1. Pekeling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penjenamaan semula portfolio Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri) dan Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri.

Latar Belakang

2. Pemindahan dan asimilasi ilmu berimpak kepada komuniti dan industri amat penting untuk meningkatkan sosioekonomi dan pendapatan mereka secara mampan, sekaligus menawarkan solusi kepada permasalahan Nasional.
3. Sesuai dengan kehendak dalam Matlamat Pembangunan Mampan [Sustainable Development Goal (SDG)], penglibatan komuniti adalah agenda utama yang sering diperkatakan saban tahun.
4. Projek atau program pemindahan dan asimilasi ilmu mestilah memberikan tumpuan untuk memperkasakan inovasi sosial (*social innovation*) dan keusahawanan sosial (*social entrepreneurship*) selari dengan apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi.

Penjenamaan Semula Portfolio Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri) dan Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri

5. Naib Canselor, dalam amanatnya pada 20 Februari 2023 menegaskan agar portfolio khusus yang memastikan impak projek pemindahan dan asimilasi ilmu terutamanya kepada komuniti diperkasakan lagi.

6. Sehubung itu, Naib Canselor bersetuju agar portfolio Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri) dijenamakan sebagai **Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat - HEKJIM)**.
7. Elemen "Masyarakat" ditambah, agar pemindahan ilmu kepada masyarakat atau komuniti dapat dikembang subur dengan lebih berfokus dan berkesan.
8. Sehubungan itu juga, Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri turut dijenamakan semula sebagai **Pusat Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri dan Masyarakat (PPIJIM)**.
9. Portfolio PTj ini ditambahbaik dengan menekankan projek pemindahan ilmu yang lebih tertumpu kepada komuniti, seterusnya memastikan kelestarian projek tersebut. Kesemua projek Penyelidikan Translasional di bawah pengurusan Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMO) dipindahkan atau diselaraskan pemantauan di bawah pengurusan dan pemantauan PPIJIM untuk membolehkan pelaksanaan dilakukan dengan lebih berkesan dan seragam.
10. Carta organisasi terkini UMT adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tarikh Kuat Kuasa

11. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 Mac 2023**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai penjenamaan semula portfolio Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri) dan Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(ZUKIFEREE BIN IBRAHIM)

Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu



CARTA ORGANISASI – UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Tarikh Kemaskini : 1 Mac 2023

